

Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 2 RABU 11 JANUARI, 1967.

1386 رابو 29 رمضان

PERCHUMA

Brunei Akan Mengeluarkan Mata Wang Sendiri

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah meluluskan satu Rang Undang2 yang memberi kuasa bagi di-bentukkan sa-buah Lembaga Mata Wang Brunei dan pengeluaran Mata Wang Brunei, dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 3 Januari, 1967.

Maka dengan lulus-nya Rang Undang2 itu, Brunei akan membentok sa-buah Lembaga Mata Wang dan mengeluarkan mata wang-nya sendiri untuk menggantikan wang2 kertas dan shiling yang sekarang beredar di-negeri ini.

Lembaga Mata Wang itu akan terdiri dari

Pegawai Kewangan Negara sa-bagai Pengerusi dan tiga orang yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Lembaga ini akan bertanggung jawab bagi pengeluaran Mata Wang Brunei yang akan di-kenali sa-bagai Ringgit Brunei.

★ Wang itu akan di-bahagikan ka-dalam sa-ratus sen dan akan sama nilai-nya dengan serbok emas yang berat-nya 0.290299 gram dan akan di-ikatkan dengan Sterling sa-banyak dua shiling dan empat pence.

★ Wang itu akan mempunyai nilai yang sama seperti sa-ringgit wang Malaysia dan Singapura yang baru.



★ Wang itu akan berkedudukan yang tegoh dan di-akui di-seluruh dunia.

Tarikh dan Masa Menziarahi D.Y.M.M. Di-Istana

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pegawai Adat Istiadat Dalam Istana, dengan berkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin mengumomkan bahawa Istana Darul Hana akan di-buka sa-lama tiga

hari bagi orang ramai mengadap dan berziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Tarikh dan masa tersebut ialah: Tiap2 hari sa-lama tiga hari mulai pada Hari Raya Yang Kedua Hari Raya Aidil Fitri dari jam 10 pagi hingga 12 tengah hari dan dari jam 2 petang hingga jam 4 petang.



Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Razak bin Puteh dari Kampung Sumbiling Bandar Brunei yang telah berjaya menyandang gelaran Naib Johan Peraduan Kasidah di-Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an anjoran Badan Penerangan Ugama Islam Jabatan Haji Ehwa Ugama, Negeri Brunei. Majlis itu telah di-langsungkan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam 30 Disember, 1966.

Kebahagia'an Berpuasa Di-Bulan Ramdzan dan Kegembira'an

Berhari Raya Di-Bulan Shawal

di-susun oleh: Ak. Badaruddin P.H. Damit
di-keluarkan oleh: Badan Penerangan
Ugama Islam Brunei

TIAP2 kita manusia yang hidup ini, semua-nya hidup untuk menchari kesenangan hidup untuk menchari ketenangan jiwa. Jiwa yang hidup yang di-lengkari oleh suasana yang muram sa-panjang masa ada-lah hidup yang akan merosakkan rumah tangga, dan merosakkan suasana kehidupan kita.

Benar-lah kata bijak chandikawam, "kebahagia'an itu tidak akan datang menjelma kalau mereka yang berkehendakkan-nya tidak menchari-nya." Alam yang luas yang kita hadapi, yang kita dudok di-dalam-nya ini, telah di-utuskan Allah Subhanahu Wata'ala bagi kita untuk menchari keuntungan dalam hidup.

Kalau kita melihat sekitar suasana masyarakat di-sekeliling kita, maka kita akan tersenyum bersendirian melihat telatah masyarakat kita yang berkelahiran, kesana kemari, bekerja sahari harian, dengan tugas yang bersendirian menurut kemampuan masyarakat kita, masyarakat kita yang berkelahiran bekerja bersendirian menurut kemampuan-nya itu adalah semata2 untuk menchari kesenangan, untuk menchari keuntungan, untuk membekalkan tugas2 hidup yang menjadi tanggung jawab dan bebanan.

Ya!... siapa-lah manusia yang hidup di-dunia ini tidak inginkan kesenangan? yang tidak inginkan keuntungan? Kita rasa tidak ada sa-orang manusia pun di-dunia ini yang tidak inginkan kesenangan yang tidak inginkan keuntungan. Kalau kita berfikir di-sekitar makhluk Tohan yang dari pada kita ini, haiwan umpama-nya, jika kita amat2ti kehidupan-nya kita juga akan mendapat penjelasan bahawa haiwan juga dalam kehidupan-nya sahari2 ada-lah untuk menchari kesenangan, tetapi walau se-

kuat mana ia bekerja, walau sekuat mana ia mengerahkan tenaga-nya namun dia tidak akan dapat menchari seperti kesenangan dan keuntungan yang kita perolehi, kerana bilamana kesenangan dan keuntungan yang di-perolehi-nya itu sudah di-chapai-nya, maka ia akan mensia2kan-nya.

Perbeda'an ini ada-lah amat besar faedah-nya bagi kita. Sa-telah kita membandingkan kelebihan2 kesenangan dan keuntungan yang di-utuskan bagi kita yang telah kita perolehi itu, dapat kita membuat pertimbangan untuk menjadi narcha dalam hidup kita. Betapa kita manusia ini ada-lah makhluk yang bertuah dan beruntung.

Namun demikian, tuah dan untung tidak akan menjelma kalau kita tidak menchari-nya. Tuah dan untung tidak akan berguna bagi kita kalau kita mensia2kan-nya. B a g i kita pemelok Islam yang hidup di-tanah ayer kita yang terkenal dengan pengenalan Brunei Darussalam ini, khusus-nya, dewasa ini sedang hidup dalam kesenangan dan keuntungan yang tidak dapat kita menapikan-nya lagi.

Apa yang saya maksudkan, kita sedang hidup dalam kesenangan dan keuntungan itu ia-lah sekarang, kita umat Islam di-negara kita ini khusus-nya dan di-dunia ia-lah umum-nya sedang berada di-dalam Bulan Puasa bulan lapar dan dahaga, bulan yang memestikan kita bertahan dari nafsu.

Di-bulan ini-lah juga sabagai bulan yang menjadi perekonomian kita, sa-bagai memelihara dan ujian keimanan kita, sabagai kekuatan untuk kita menentukan diri kita kearah mana ia akan kita bawa. Banyak orang berkata di-bulan puasa ini besar belanja, banyak barang2 makanan yang membuka selera yang mesti dibeli, untuk makanan di-masa berbuka puasa, tetapi kita berasa hairan mengapakah di-Bulan Puasa kita mesti berbesar belanja, kita mesti membeli barang2 makanan yang banyak, padahal di-kala siang kita tidak makan apa2 seperti di-bulan lain, berbeda pula di-bulan lain dari Bulan Puasa.

Alangkah baik dan beruntung-nya di-Bulan Puasa ini kalau kita berbelanja kurang daripada perbelanja'an kita di-musim bukan Bulan Puasa, bukannya dengan berbelanja besar itu akan merosakkan perekonomian kita, ha-nya kaum kapital sahaja yang akan laris barang2 jualan-nya dan mendapat keuntungan yang berlipat ganda dalam perekonomian-nya.

Kalau kita menyedari dan menginsafi hakikat ini, maka Insha Allah, kita akan berjaya sa-bagai langkah kita untuk menjaga perekonomian kita di-masa2 yang akan datang, dan ini-lah satu2-nya keistemewaan yang besar ertinya bagi kita pemelok Islam. Tetapi walau keistemewaan itu di-utuskan kepada kita, kalau kita sendiri tidak menggunakan keistemewaan itu, maka tidak-lah ada guna-nya dan ertinya, kita juga yang akan tewas oleh suasana di-sekeliling kita kerana bukan-lah suasana yang mentadbir kita, malahan kita mentadbir suasana kita itu, selangkah kita bergerak, kita akan tewas oleh suasana2 yang mempengaruhi kita. Kalau kita tidak berwaspada dan berjaga2 dari pengaruh2 yang senantiasa akan mempengaruhi kita itu.

Sa-sudah kita hidup belajar berekonomi di-Bulan Ramadhan, dan sesudah bersabar menahan dahaga dan lapar, maka beberapa hari lagi akan bertemu pula kita dengan satu bulan yang mulia juga di-sisi kita ia-itu Bulan Shawal, sebagai satu bulan kebebasan dari pada duga'an

keimanan dzahir dan batin.

Di-awal Bulan Shawal ini terkenal dengan panggilan Hari Raya Aidil Fitri atau Hari Lebaran, hari bergembira sa-telah berlajar selama sa-bulan, sama juga ibarat-nya seperti saudara2 kita yang miskin yang telah lama hidup kais pagi makan tengah hari, kais petang makan petang, dan akan bergembira bila mana kehidupan seperti itu, bertukar menjadi hidup yang senang mewah.

Di-hari Raya ini bagi yang sederhana hidup-nya, maka sederhana-lah juga perhiasan2 rumah dan makanan2 untuk penjamu selera sanak saudara dan sahabat handai yang akan datang bertandang kerumah. Tiap2 satu bangsa, tiap2 satu Ugama di-dunia ini ada dengan hari kegembira'annya, ada dengan hari keistemewaan-nya.

Tiap2 satu bangsa dan Ugama itu, bagi kita pemelok Islam di-Negara kita Brunei Darus-Salam ini khusus-nya, dan pemelok Islam di-dunia ini umum-nya, pun ada mempunyai hari keistemewaan sendiri, ia-itu Hari Raya Aidil-Fitri. Apabila telah menjelang Hari Raya, maka bergema-lah suara Azan di-angkasa negara kita ini dengan megah-nya, sabagai suara seruan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.,

Sabagai suara pelindung dan keagongan Tohan Yang Maha Esa pencipta sejagat ini, hanya manusia yang beriman sahaja yang akan bergembira menyahut seruan azan itu, ha-nya manusia yang di-b u k a n hati-nya oleh Allah s.w.t., sahaja yang tahu menunaikan tanggung jawab-nya pada Tohan-nya.

Bagi kita pemelok Islam di-negara kita ini, khusus-nya tetap akan melaksanakan tanggung jawab itu, dan tetap tidak akan lari dari tanggung jawab itu, demi untuk menshukori nikmat Tohan yang telah di-limpahkan-nya dan yang akan di-limpahkan-nya pada kita.

Bagi kita pemelok Islam di-negara kita ini khusus-nya, bukan bererti Hari Raya yang akan kita rayakan tidak beberapa lama lagi itu untuk kita berbelanja sa-chara besar2an, malahan sa-bagai langkah perchoba'an kita berbelanja sederhana untuk lanjutan hingga kemasa2 yang akan datang.

Kaum2 kapital akan bergembira bila menjelang Hari Raya Aidil Fitri ini, kegembira'an-nya bukan seperti kegembira'an kita, kita men-

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulia hari Rabu 11 Januari 1967 hingga ka-hari Selasa 17 Januari, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
11 Jan.	12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
12 Jan.	12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
13 Jan.	12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
14 Jan.	12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
15 Jan.	12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
16 Jan.	12.36	3.57	6.32	7.44	5.04	5.18	6.35
17 Jan.	12.36	3.57	6.32	7.44	5.01	5.18	6.35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

KEBAHAGIA'AN BERPUASA DI-BULAN RAMDZAN DAN....

DARI MUKA 2

yambut Hari Raya ini, kita bergembira sa-telah bebas dari duga'an iman, gembira s a t e l a h b e r l a p a r selama sa-bulan, tetapi kaum2 kapital bergembira kerana banyak-lah wang2 bangsa kita, banyak-lah wang Umat Islam masuk ka-dalam sakunya dengan berlipat ganda banyak-nya, kerana di-Hari Raya ini-lah mereka mengambil kesempatan untuk meninggikan nilai harga barang2-nya, dengan sa-halus2-nya.

Oleh yang demikian, demi denyutan nadi bangsaku dan demi denyutan nadi pemelok2 Islam yang sa-Ugama dengan perasaan keinsafan agar kita tidak di-perasa dengan perekonomian kita, mari-lah kita menyedari soal ini dengan sedalam2-nya, agar kita jangan tertipu oleh suasa zaman yang senantiasa akan menipu kita, mari-lah kita berpada dalam membeli belah untuk Hari Raya Aidil Fitri yang akan datang ini.

Kita menyedari memanglah sifat hidup kita ini chintakan keindahan, namun keindahan itu tidak akan menchintai kita, keindahan juga selalu-nya yang akan membawa kita kejurong yang merugikan, ha-nya dengan berwaspada dan berjaga2 saja-lah yang akan dapat menyelamatkan kita dari pada sabarang golongan2 yang akan membawa kejurang kedurjana'an.

Kalau di-Hari Raya pada tahun yang lalu kita sudah chukop bergembira dengan berbelanja banyak, bagi mengisikan rumah2 kita dengan perhiasan2 dan makanan2 yang mahal2, tetapi sekarang kita belum terlambat, mari-lah pula di-tahun ini kita mengubah chorak kita dengan perhiasan2 dan makanan2 yang sedarhana, kerana belum tentu kita hidup ini untuk sa-hari dua, namun masa kita panjang untuk memikirkan Nasib Bangsa Kita, dan Nasib Anak2 Kita yang mungkin akan menchontohi segala gerak laku kita dalam kita melaksanakan tugas2 hidup kita sa-hari2an.

Apa-kah kita senantiasa hidup dengan berbelanja yang banyak itu akan menjadi ke-untungan bagi kita? atau apa-kah kita berbelanja banyak itu untuk mendapatkan pujian daripada masharakat kita? Perchaya-lah ha-nya Allah s.w.t., sahaja yang berhak mendapat pujian Ha-nya kaum kapital (Kaum Pemo-dal) sahaja yang akan bertambah perekonomian-nya, kalau sa-andai-nya di-Hari Raya yang akan menjelang ini kita menghabiskan wang ringgit kita bukan pada tem-

pat-nya, dan pada tempat yang tidak berharga hakikat-nya.

Alang-kah baik-nya kalau di-masa Hari Raya yang akan menjelang ini kita berziarah menziarahi, ka-rumah sanak saudara, ka-rumah sahabat handai dan taulan berserta dengan perasaan yang gem-bira, sambil memohon ma'af berma'af, sabagai melahir-kan perasa'an kaseh sayang yang mendalam demi untuk memperkuat dan memperer-atkan lagi Tali Persaudara'an kita yang sudah ada agar akan bertambah2 lagi kemes-ra'an kita di-antara satu dengan lain, dengan membuat satu azam yang baru dan tiktang yang tinggal dan dengan harapan agar tidak timbol persengkita'an, penghina'an, di-antara kita sa-sama kita yang hidup pada satu bangsa yang berpegang pada satu ugama yang sama ini, ia-itu Ugama Islam, dan yang hidup pada bumi tumpah darah dan Tanah Ayer sendiri yang berharap supaya kita yang menjadi ra'ayat yang berada di-dalam-nya memelihara-nya daripada sebarang kerosakan yang akan membawa bencana pada-nya dan pada kita juga.

Alangkah berbahagia-nya lagi kalau Hari Raya yang mulia ini kita tanamkan Semangat Kegembira'an di-Hari Raya, Semangat Senyum Keta-wa, dengan di-iringi salam (berjabat tangan) hingga ka-masa2 yang lain dari Hari Raya, maka dengan jalan itu betapa-kah untong-nya kita, kerana dapat kita membawa kegembira'an kita dengan sanak saudara dan sahabat handai di-kala Hari Raya itu hingga ka-dalam penghidupan sa-hari2 (lain daripada Hari Raya) ini-lah lagi keisteme-wa'an bagi kita dalam menyambut Hari Raya yang akan menjelang itu.

Di-samping kita berziarah menziarahi ka-rumah sanak sa-udara, sahabat handai itu, di-Hari Raya yang akan menjelang ini, ada lagi satu tugas dan kewajiban kita terhadap ugama kita yang berhubung rapat dengan soal2 kehidupan masharakat kita di-wasa ini dan di-masa yang akan datang, tugas dan kewajiban itu ia-lah pemberian Zakat Fitrah. Sa-tiap tahun apabila menjelang Hari Raya pertama, maka sa-tiap tahun juga-lah kita pemelok Islam di-wajibkan mengeluarkan pemberian Zakat Fitrah, kepada fakir miskin, amalan sa-perti ini tidak asing lagi bagi kita pemelok Islam, kerana kita telah mengetahui tujuan2 pemberian Zakat Fitrah itu.

Ini ada-lah sa-mata2 untuk melahirkan perasa'an bertim-

bang rasa terhadap saudara kita yang tidak sanasib dengan kita, untuk sama2 menikmati keisteme-wa'an dalam merayakan Hari Raya, yang menjadi keagongan ka-pada kita.

Pemberian Zakat Fitrah yang di-keluarkan kepada saudara2 kita yang tidak sanasib dengan kita itu bukan ha-nya di-lakukan di-negara kita Brunei Darus-salam sahaja malah di-seluruh Dunia Islam bergerak, dan seluroh pemelok Islam di-dunia mengeluarkan Zakat Fitrah itu, pemberian Zakat Fitrah itu ada-lah sa-bagai satu pengajaran dan sa-bagai dorongan bagi kita dalam melahirkan perasa'an kaseh sayang, perasa'an tidak mahu hidup bersendirian, dan perasa'an bertanggung jawab terhadap saudara2 yang sauga-ma, kerana Ugama Islam itu di-turunkan oleh Allah s.w.t., bukan di-untukkan kepada satu2 golongan sahaja, malahan kepada sa-tiap manusia di-muka bumi ini dan untuk menikmati serta untuk bertanggung jawab kepada Ugama Islam itu bukan-lah untuk satu2 golongan sahaja, malahan sa-tiap umat yang mengaku berugama Islam ada-lah berhak menikmati dan bertanggung jawab terhadap Ugama Islam kerana Ugama Islam tidak memaksa orang yang bukan berugama Islam supaya ma-sok Ugama Islam, tetapi Ugama Islam memestikan pemelok2-nya itu menunaikan segala Peratoran2 dan segala Undang2 yang terkandung di-dalam Ugama Islam itu.

Hidup-lah Pemelok Islam dengan Peratoran2 dan Undang2 Ugama-nya, mudahan2 kita akan mendapat keridza-lan Allah.

Menjalani Latehan Orang Buta di-K. Lumpur

BERAKAS. — Sa-orang pemuda buta bernama Awang Ishak bin Abdul Salam telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Kuala Lumpur pada petang hari Rabu 4 Januari, 1967 untuk menjalani latehan orang2 buta di-Pusat Latehan Gurney, atas hantaran Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei.

Awang Ishak akan berada di-Pusat Latehan Gurney itu di-antara dua hingga lima tahun lama-nya untuk menjalani latehan tersebut.

Abang Abu Hanifah bin Abang Haji Bujang dari Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei telah mengiringi Awang Ishak ka-Kuala Lumpur.

Sementara itu Pesuruh-jaya Kebajikan Negeri Brunei, Awang H.M. Salleh menyatakan bahawa pada tahun ini Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei berchadang hendak menghantar tiga orang buta untuk menjalani latehan itu.

Oleh kerana sa-orang daripada orang2 buta itu telah meninggal dunia, maka Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei akan menghantar dua orang sahaja, kata beliau.

Beliau juga menerangkan bahawa perbelanjaan untuk tiap2 sa-orang buta yang dihantar dari Brunei ka-Pusat Latehan Gurney itu ia-lah sa-banyak \$2,644 sa-tahun, tidak termasuk perbelanjaan perjalanan.



Gambar ini di-ambil di-Bangunan Lapangan Terbang Berakas Brunei pada petang hari Rabu yang lalu sa-belum Awang Ishak bin Abdul Salam, sa-orang pemuda buta berlepas dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur untuk menjalani latehan di-Pusat Latehan Gurney di-sana, atas hantaran Jabatan Ke-

bajikan Masharakat Negeri Brunei. Di-kiri sekali ia-lah Abang Abu Hanifah bin Abang Haji Bujang dari Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri, Brunei mengiringi Awang Ishak ka-Kuala Lumpur. Dalam gambar ini kelihatan Awang Ishak (bilangan ketiga dari kiri) dan keluarga-nya.

PERSEDIAAN2 MENJELANG-NYA HARI RAYA PUASA

UMAT ISLAM di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri Tahun Hijrah 1386 dalam minggu ini.

Sementara itu Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mengumumkan bahawa Pegawai2 dari Jabatan tersebut dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukur Negara Brunei akan melihat anak Bulan Shawal pada petang hari ini.

Sa-kira-nya anak Bulan Shawal itu kelihatan pada petang hari ini, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri esok, hari Khamis 12 Januari, 1967.

Dan jikalau anak Bulan Shawal tidak dapat di-lihat pada petang hari ini, maka Umat Islam di-seluruh negara akan Ber-


hari Raya Aidil Fitri pada hari Juma'at 13 Januari.

Sa-belum menjelang-nya Hari Raya Aidil Fitri atau Hari Raya Puasa, berbagai2 persediaan diselenggarakan untuk menyambut Hari Raya itu.

Di-antara-nya Ibu2 dan sa-isi ru-

mah sibok membuat Kueh2 Raya, membersehhkan perkakas2 dalam rumah; membuat pakaian2 yang baru dan sa-bagai-nya.

* Gambar2 yang di-siarkan di-halaman ini di-ambil oleh Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei beberapa hari sa-belum menjelang-nya Hari Raya Puasa.



ANAK2 YATIM BERGEMBIRA MENYAMBUT HARI RAYA

YANG TERAMAT MULIA Pengiran Muda Jufri Bolkiah, sa-orang Putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah menyampaikan hadiah sa-banyak lima ringgit sa-saorang kepada hampir2 sa-ratus orang anak2 yatim di-Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, di-Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 9 Januari, 1967.

Wang itu telah di-perolehi daripada derma oleh Pejabat2 Kerajaan, Sharikat2 Perniagaan, Persatuan2 Belia, orang ramai sa-chara persaorangan serta lain2-nya dan telah di-usahakan dengan bersungguh2-nya oleh Jawatan Kuasa Derma Hari Raya Untuk Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara, yang di-Pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Md Yassin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah mengucapkan berbilang2 terima kasih atas kesudian Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah yang telah sudi hadir di-majlis tersebut dan berlebeh2 lagi beliau mengucapkan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jufri Bolkiah yang telah sudi menyampaikan hadiah2 kepada anak2 yatim di-majlis tersebut.

Dalam ucapan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, antara-nya beliau telah mengucapkan terima kasih kepada semua pehak yang berkenaan dan orang ramai yang telah mendermakan wang hampir2 \$10.000 untuk Tabong Derma tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin tidak juga ketinggalan mengucapkan terima kasih kepada Radio Brunei dan Akhbar2 tempatan yang telah bekerjasama dengan Jawatan Kuasa Tabong Derma tersebut bagi melaksanakan tugas-nya yang berkebaikan itu.

Mudah2an, dengan memperolehi derma tersebut, maka dapat-lah anak2 yatim yang berkenaan itu bergembira pada masa Hari Raya Aidil Fitri yang berbhagia ini.



Dalam gambar ini kelihatan bermacam2 barang yang di-juai dalam sa-buah perahu di-Tambing, Bandar Brunei.



235 Orang Dari Negeri Brunei Akan Menunaikan Fardhu Haji Tahun Ini

BANDAR BRUNEI. — Seramai 235 orang dari Negeri Brunei akan menunaikan fardhu Haji pada tahun ini. Bilangan ini ada-lah mengandungi orang2 lelaki dan perempuan dewasa serta kanak2.

Seramai 225 orang daripada bilangan bakal2 Haji itu akan belayar ka-Jeddah dengan kapal laut, manakala 10 orang lagi akan menunaikan fardhu Haji dengan menaiki kapal terbang.

Daripada bilangan tersebut seramai 18 orang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Demikian menurut Pemangku Pengawal Urusan Hj. Negeri Brunei, Awang Kassim bin Haji Ahmad.

Beliau menerangkan bahawa jumlah Umat Islam dari Negeri Brunei yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun Hijrah 1386 ada-lah lebih banyak lagi daripada jumlah Umat Islam dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi pada tahun Hijrah 1385.

Pada tahun Hijrah 1385 kata beliau, seramai 197 orang dewasa lelaki dan

perempuan serta kanak2 dari Negeri Brunei telah menunaikan fardhu Haji. Mereka ada-lah mengandungi seramai 189 orang yang telah berangkat ka-Tanah Suchi dengan menaiki kapal laut dan delapan orang yang berangkat ka-Tanah Suchi dengan menaiki kapal terbang.

Aw. Kassim selanjutnya menerangkan bahawa Kapal "ANSHUN" yang akan membawa bakal2 Haji dari Negeri Brunei di-jangka tiba di-Labuan pada jam 5 petang hari Selasa 17 Januari, 1967.

Kapal Haji itu tidak-lah akan datang ka-Perayeran Brunei untuk mengambil bakal2 Haji dari Negeri ini yang akan belayar ka-Jeddah.

Bakal2 Haji dari Negeri Brunei yang akan menunaikan fardhu Haji itu akan belayar dari Bandar Brunei ka-Labuan dengan menaiki lima buah Kapal2 Kerajaan Brunei, ia-itu:-

M/V "Bolkiah, M/L 'Sultan,' M/L "Muara, M/L "Laila Menchanai," M/L "Sri Seria".

Dari Labuan mereka

akan menaiki Kapal Haji itu dalam pelayaran ka-Jeddah melalui Singapura dan lain2 pelabuhan.

Selain daripada lima buah kapal2 tersebut, Kerajaan Brunei juga akan menyediakan dua buah kapal untuk membawa barang2 kepunyaan bakal2 Haji itu ka-Labuan.

Kapal2 yang akan membawa barang2 itu ia-lah "PEMANCHA" dan "NA-KHODA MANIS".

Oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, kata Awang Kassim, maka pada tahun ini, tidak sa-saorang pun di-benarkan mengiringi bakal2 Haji itu dari Brunei ka-Labuan.

Pihak Sharikat Perkapalan akan menyediakan buroh2 untuk memunggah barang2 kepunyaan bakal2 Haji dari Brunei pada masa barang2 itu tiba di-Labuan dan buroh2 itu juga akan memindahkan barang2 itu dari kapal2 tersebut ka-dalam kapal "ANSHUN".

Awang Kassim meminta kapada bakal2 Haji tersebut supaya membawa ba-

rang2 berat kepunyaan mereka ka-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei mulai jam delapan malam 17 Januari, 1967.

Beliau juga meminta kerjasama daripada orang ramai yang tidak akan menunaikan fardhu Haji supaya jangan-lah mereka menyembunyi masok ka-dalam kapal2 yang akan membawa bakal2 Haji itu dari Brunei ka-Labuan.

Sa-kira-nya perkara tersebut berlaku sa-bagaimana pada tahun lalu, maka akan menjadi kepayahan kapada pihak yang berkenaan bagi menguruskan pelayaran bakal2 Haji itu. Beliau berharap perkara sa-demikian tidak-lah akan berlaku lagi pada tahun ini.

Radio Brunei Bahagian Melayu akan menghidangkan Ranchangan bernama "SALAM MUHIBBAH" pada malam pertama Hari Raya Aidil Fitri tahun ini. Gambar ini yang di-ambil di-Studio Radio Brunei kelihatan di-antara beberapa orang yang mengambil bahagian dalam ranchangan tersebut pada masa di-adakan rakaman-nya baru2 ini.





Garabar ini di-ambil di-Studio Radio Brunei baru2 ini sa-belum di-adakan rakaman untuk Ranchangan "SALAM MUHIBBAH" bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri

tahun ini. Dalam gambar ini kelihatan di-antara beberapa orang wanita yang mengambil bahagian dalam ranchangan tersebut. Ranchangan

"SALAM MUHIBBAH" itu akan di-pancharkan oleh Radio Brunei Bahagian Melayu pada malam pertama Hari Raya Aidil Fitri Tahun Hijrah 1386.

QARI2 DAN QARIAH BALEK DARI MALAYSIA

BERAKAS. — Dua orang Qari dan sa-orang Qariah dari Negeri Brunei yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa di-Kuala Lumpur baru2 ini telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Khamis 5 Januari, 1967.

Qari2 dan Qariah tersebut ia-lah Awang Sabtu bin Ahmad, Awang Damit bin Haji Kawang dan Dayang Damit binte Mohamed Yusof.

Mereka telah di-iringi oleh Awang Abdullah bin Metasan, Awang Mohamed Ali bin Mohamed Yusof dan Dayang Hindut binte Lamat.

Menurut sa-orang Juruchakap rombongan tersebut, seramai 19 orang Qari dari 10 buah negara dan 7 orang Qariah dari 7 buah negara telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Membacha

Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa itu.

Negara2 yang di-wakili dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa Bahagian Selatan ada-lah saperti berikut:

Brunei, Malaysia, Singapura, Thailand, Kamboja, Philipina, Vietnam Selatan, Ceylon dan Indonesia. Tiap2 negara itu di-wakili oleh dua orang Qari. India telah di-wakili oleh sa-orang Qari.

Qariah2 yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa itu ia-lah

dari Brunei, Malaysia, Singapura, Philipina, Indonesia, Vietnam Selatan dan Kamboja. Tiap2 negara itu di-wakili oleh sa-orang Qariah.

Sungguh pun Qari2 dan Qariah dari Negeri Brunei telah tidak berjaya menyanggah gelaran Johan atau Naib Johan dalam Pertandingan Membacha Al-Qur'an Peringkat Antara Bangsa itu, kata Juruchakap tersebut, akan tetapi mereka telah dapat mengatasi beberapa orang pembacha Al-Qur'an dalam pertandingan tersebut.

Pasar Gembira Pengakap2 Daerah Belait

SERIA. — Persatuan Pengakap Daerah Belait akan mengadakan satu temasha Pasar Gembira sa-lama lima hari dalam bulan Februari hadapan. Demikian menurut Setia Usaha, Persatuan Pengakap Daerah Belait, Awang V. Abdul Salam.

Beliau berkata bahawa permohonan hendak mengadakan Pasar Gembira Pengakap tersebut telah pun di-hantarkan kepada Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Tujuan di-adakan Pasar Gembira Pengakap tersebut, kata Awang Salam, ia-lah untuk mengutip derma bagi memperbaiki bangunan Ibu Pejabat Pengakap Daerah Belait.

PENGUMUMAN LEMBAGA BANDARAN BELAIT

LISEN2 Anjing bagi tahun 1967 mulai di-keluarkan pada 3 Januari, 1967 di-Pejabat2 Bandaran Kuala Belait dan Seria waktu masa bekerja.

Bayaran2 Lisen ada-lah saperti berikut: Anjing Jan-

tan—\$3 sa-ekor. Anjing Betina—\$5 sa-ekor.

Lisen2 Anjing yang telah di-perolehi bagi tahun 1967 hendak-lah di-gantungkan dengan sa-utas "Collar" ka-liher2 anjing. Anjing2 yang di-dapati tidak mempunyai

tanda2 tersebut akan di-musnahkan.

Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pengerusi, Lembaga Bandaran, Belait.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah diberi tahu bahawa segala Dasar Projek2 Perikanan di-Brunei akan tetap sentiasa mengutamakan kepentingan negeri ini.

Pengerusi Majlis itu, Awang Johari bin Abdul Razak, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara membuat kenyataan tersebut bagi menjawab satu daripada beberapa so'alan mulut mengenai Jabatan Perikanan, dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Persidangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada pagi hari Khamis 5 Januari, 1967.

Yang Mulia Awang Ahmad bin Chuchu, Wakil bagi Kawasan Gadong, Brunei yang mengemukakan so'alan mengenai perkara tersebut telah bertanya:

1. Dalam mana sa-tahu saya, pada masa ini Kerajaan telah pun mendatangkan Pegawai dari luar negeri, ia-itu Pegawai Perikanan yang bertugas di-Pejabat Kemajuan Negara Brunei. Maka saya, selaku wakil Ra'ayat di-Daerah Brunei dan Muara ingin tahu perkara2 yang tersebut di-bawah:

(a) Apakah kerja2 yang sudah di-buat semenjak Pegawai itu di-tugaskan di-Negeri ini?

(b) Apakah Dasar2 yang ada di-dalam perkara ini?

(c) Adakah Kerajaan hendak membuat Perusahaan dalam perkara itu?

(d) Adakah Kerajaan boleh memberi modal atau menolong dengan perchuma kepada bumiputera Negeri ini yang akan membuat Perusahaan itu?

Jawapan Kerajaan terhadap so'alan2 tersebut adalah seperti berikut:

Perkara2 (a), (b), (c) dan (d) itu pada masa ini adalah sedang dalam pengkajian Kerajaan dan belum-lah lagi sa-suatu ketentuan yang dapat di-berikan, kerana kedatangan Pegawai Perikanan ini ada-lah satu perkara yang baru sahaja.

Walau bagaimana pun, segala Dasar Projek2 Perikanan di-Negeri Brunei akan TETAP sentiasa mengutamakan kepentingan Negeri ini sendiri.

Pertandingan Membacha Al-Qur'an Anjoran A.M.D.B.

BERAKAS KEM. — Empat orang Qari dan empat orang Qariah telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Akhir Membacha Kitab Suci Al-Qur'an yang telah di-langsungkan di-bawah anjoran Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Kawasan Perbarisan A.M.D.B. di-Berakas Kem pada malam 7 Januari, 1967.

Ini-lah tahun yang kedua berturut2 Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei menganjorkan pertandingan itu.

Pertandingan tersebut terbuka kepada semua anggota Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan keluarga mereka.

Majlis itu di-mulai dengan Bacha'an Al-Qur'an oleh Ustaz Haji Abdullah bin Lakim, Johan Qari Sa-Negeri Brunei tahun 1965 serta di-turuti dengan Uchapan Alu2an oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi peraduan itu, Ustaz Ibrahim Jamak.

Sambutan Hari Raya di-Sinaut

SINAUT. — Persatuan Tunas Harapan Pemuda Pemuda di-Kampung Sinaut, Tutong akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan Malam Amal dan Malam Aidil Fitri selama tiga malam berturut2 mulai pada malam 19 Januari hingga ka-malam 21 Januari, bertempat di-Batu 20, Kampung Sinaut, Tutong.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah temasha Gendang Melayu (Mukun) yang di-undang khas dari Sarawak; Nyanyian2; Tarian2; Lawak Jenaka oleh Johan dan Naib Johan Rancangan Mari Ketawa anjoran Radio Brunei Bahagian Melayu bagi Sa-Negeri Brunei tahun ini; Sandiwara; Tablo; Peraduan Bang; Peraduan Membacha Al-Qur'an serta Sharahan Khas oleh Ustaz Awang Abdul Hamid Bakal dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. — Berita Kiriman Aw. Haji Ahim bin Haji Ibrahim, Setia Usaha Sambutan Malam Aidil Fitri, PTH Kampung Sinaut, Tutong.

Kaptan Sulaiman bin Damit dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah merasmikan pembukaan Pertandingan Bachaan Al-Qur'an itu.

Pengetia Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 di-majlis tersebut.

Satu Uchapan Khas telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin.

Hakim2 Pertandingan Membacha Al-Qur'an itu ia-lah: Ustaz Ali bin Haji Husain (Ketua Hakim), Ustaz Abdul Kadir Awang, Ustaz Haji Abdullah bin Lakim dan Ustaz A. Nasir bin Kasmuni.

Keputusan2 pertandingan tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Lance Kopral Ahmad bin Haji Abu Bakar. Naib Johan — Lance Kopral Sabtu bin Samad. Ketiga — Private Othman bin Idris.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Fatimah binte Hashim. Naib Johan — Dayang Sharifah binte Ibrahim. Ketiga — Dayang Fatimah binte Atan.

Dayang Fatimah binte Hashim telah juga memenangi hadiah sa-bagai Pembacha Al-Qur'an Yang Terbaik Sekali.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Ustaz Ibrahim Jamak.

Berhari Raya di-Tanjong Maya

TANJONG MAYA. — Persatuan Pemuda Pemuda di-Tanjong Maya, Tutong akan mengadakan satu Majlis Jamuan Selamat Hari Raya Aidil Fitri di-Bangunan Balai Raya Tanjong Maya pada Hari Raya Kedua mulai jam 8.30 pagi.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1967 akan di-adakan pada malam 21 Januari, 1967.

Berita lanjut mengenai pertandingan tersebut akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu hadapan.

PENERBITAN RISALAH BELIA

BANDAR BRUNEI. — Di-maalmkan kepada semua Persatuan2 di-Negeri Brunei bahawa Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah pun menubuhkan suatu Jawatan Kuasa Risalah mengandongi beberapa ahli Sidang Pengarang untuk bertugas berkaitan dengan penerbitan Risalah Belia.

Jawatan Kuasa tersebut telah pun di-undangkan oleh MPP untuk mengeluarkan risalah yang berkaitan dengan belia di-Negeri Brunei ini.

Keluaran risalah ini adalah semata2 demi mendocong chita2 MPP untuk memberi sumbangan yang berfaedah kepada belia di-seluruh Tanah Ayer dan juga berupa satu saluran yang mana belia di-seluruh Tanah Ayer boleh mengeratkan perhubungan antara satu sama lain.

Maka dengan ini Jawatan Kuasa Risalah MPP Negeri Brunei merayu kerjasama dari pehak ahli2 Persatuan2 Belia seluruh Tanah Ayer supaya menyumbang serba sedikit Makalah2, Cherpen2, Sajak2 dan sebagainya untuk risalah yang akan di-chetakan itu nanti di-perchetakan tempatan.

Segala Makalah2 dan sebagainya yang di-hantar itu ada-lah hak milik Sidang Pengarang J/K Risalah MPP (jika di-terbit) dan juga sama ada di-terbit atau sabalek-nya, makalah2 yang di-hantar itu ada-lah tanggung jawab J/K Risalah dengan tidak perlu memberi alasan selanjutnya.

Makalah2 dan sebagainya hendak-lah sampai di-tangan Setia Usaha Jawatan Kuasa Risalah Majlis P/P Negeri Brunei, Awangku Jaafri, pada 26 Januari 1967, di-Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei. Keluaran pertama Risalah Belia itu di-jangka di-terbitkan pada awal tahun ini.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*